

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L14839
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah hala tuju *National Climate Resilience Plan* dalam menangani ancaman banjir besar serta perubahan corak cuaca ekstrem di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur.
2. PN-1543-L14758
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pusat asuhan kanak-kanak dan institusi pendidikan rendah dan menengah swasta yang melibatkan kanak-kanak yang semakin banyak beroperasi di kompleks perniagaan dan rumah kedai supaya mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan.
3. PN-1543-L14977
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah tahap pendigitalan bahan pembelajaran di Tabika KEMAS telah dilaksanakan, termasuk penggunaan alat bantu mengajar digital serta penyediaan latihan kepada guru bagi menyokong pembelajaran abad ke-21.
4. PN-1543-L15210
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan Kerajaan untuk terus menarik pelabur asing ke Malaysia selain daripada memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan pelabur menjadikan Malaysia sebagai hab pembinaan bahan api penerbangan mampan (SAF).

5. PN-1543-L15383
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan saman Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) yang telah diperoleh setakat ini sejak pelaksanaannya, serta sejauh mana hasil kutipan tersebut disalurkan semula bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan pendidikan pemandu.
6. PN-1543-L15406
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Perkara 2.7 dalam Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia-Amerika Syarikat (ART) secara automatik melanjutkan komitmen perkhidmatan Malaysia di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) kepada firma Amerika Syarikat tanpa akses timbal balas.
7. PN-1543-L15292
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pelan strategik Kementerian untuk memanfaatkan potensi air hujan sebagai sumber bekalan semasa musim kemarau, dan bagaimanakah Kementerian menilai kemajuan serta keberkesanan dapatan kajian yang sedang dijalankan.
8. PN-1543-L15172
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) sejauh mana kajian terhadap Skim Insurans Pekerjaan (EIS) untuk pekerja gig telah dijalankan; dan
 - (b) adakah EIS dapat dilaksanakan pada awal tahun 2026 jika ia mendapat pertimbangan yang sewajarnya untuk pekerja gig.
9. PN-1543-L15465
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap penyediaan fasiliti rawatan dan rehabilitasi bagi golongan OKU di hospital dan klinik kesihatan seluruh negara, serta langkah-langkah bagi memastikan ubat-ubatan, alat bantuan dan prostetik dapat diperoleh dengan harga mampu milik dan dibantu dengan subsidi Kerajaan.
10. PN-1543-L14925
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status naik taraf lebuh raya dan jalan persekutuan di Selangor seperti Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 dan Jalan Kapar.

11. PN-1543-L15014
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan tindakan yang spesifik untuk mengeluarkan dan memulihkan elemen dianggap bahaya dalam senarai inventori nasional yang komprehensif dan terkini warisan budaya tidak ketara negara, termasuk yang dianggap tidak mesra pelancong.
12. PN-1543-L14804
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan klinik kesihatan luar bandar yang akan dibina di Sabah pada tahun 2026.
13. PN-1543-L15498
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rekod kadar kejayaan pelaburan daripada lawatan luar negara sejak tahun 2022 hingga 2025, dan apakah sasaran Kerajaan supaya lawatan ke luar negara bukan sekadar menghasilkan angka pelaburan berpotensi tetapi benar-benar menambah pelaburan langsung asing (FDI) dalam negara.
14. PN-1543-L15154
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil khususnya melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), bagi memperluaskan akses Pendidikan Kemahiran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada Orang Asli yang keciciran pendidikan akademik tetapi mempunyai kemahiran semula jadi serta keupayaan kerja serta keupayaan kerja yang diiktiraf melalui pengalaman terdahulu.
15. PN-1543-L15007
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan inisiatif penempatan kakitangan kesihatan secara Sistem Pertukaran Suka Sama Suka yang telah bermula pada Oktober lalu.
16. PN-1543-L14721
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak di bawah MOTAC pada tahun 2026.

17. PN-1543-L14825

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah yang diambil Kerajaan bagi menjayakan perihal kitar semula terutamanya kaedah pengurangan plastik sekali guna dan Extended Producer Responsibility (EPR) di Malaysia serta berapakah peratusan kitar semula berbanding jumlah sisa pepejal rakyat Malaysia; dan
- (b) berapakah anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tujuan penguatkuasaan.

18. PN-1543-L15511

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah insentif khas atau program pemantapan bagi usahawan muda Orang Asli.

19. PN-1543-L15085

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan ketepatan dan ketelusan pengiklanan bagi projek-projek pembangunan perumahan.

20. PN-1543-L14961

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah segera dan jangka panjang untuk menangani konflik manusia-gajah yang meruncing khususnya di kawasan Gua Musang dan beberapa kawasan lain di seluruh negara, serta nyatakan jumlah operasi tangkap pindah (*translocation*) gajah yang telah berjaya dilaksanakan di Gua Musang dalam tempoh 2020-2025.

21. PN-1543-L15386

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa situasi lebihan bekalan (*oversupply*) perumahan wujud dalam segmen bertingkat tinggi di bandar utama, dengan laporan meletakkan puluhan ribu unit tidak terjual, dan apakah mekanisme yang akan dijalankan untuk memastikan pembangunan selaras keperluan rakyat, bukan semata-mata margin keuntungan pemaju.

22. PN-1543-L15178

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah skim perkhidmatan Kementerian yang layak diberikan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) memandangkan terdapat isu berkenaan petugas kesihatan seperti Jururawat Masyarakat, Pembantu Pembedahan Pergigian, Pembantu Perawatan Kesihatan dan sebagainya tidak layak diberikan BIPK; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan insentif ini kepada semua petugas kesihatan.

23. PN-1543-L15125

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meningkatkan peruntukan bagi menaik taraf sistem rangkaian perpaipan yang sudah uzur dan kerap mengalami kerosakan di negeri Perlis.

24. PN-1543-L14748

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membanteras pembiakan ikan pendatang atau pun "*invasive species*", khususnya Ikan Bandaraya *Pterygoplichthys pardalis* yang semakin membiak dan mengancam pembiakan ikan tempatan di sungai-sungai negara kita.

25. PN-1543-L14837

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memperkukuh sistem kesihatan awam pasca pandemik dalam menghadapi ancaman kesihatan global seperti rintangan antimikrob (*antimicrobial resistance*) dan kemunculan penyakit zoonotik baharu.

26. PN-1543-L14734

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek pembangunan luar bandar yang telah dilaksanakan di Sarawak setakat suku ketiga tahun 2025, serta tahap kemajuan pelaksanaannya mengikut daerah dan kategori projek.

27. PN-1543-L15112
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana perancangan dan usaha Kerajaan bagi memastikan kerjaya di sektor perladangan sawit, getah, koko dan komoditi eksport negara diceburi secara aktif oleh belia dan memastikan generasi alpha menjadikan sektor perladangan yang disinergikan dengan teknologi baru meneruskan kelestarian sektor ini.
28. PN-1543-L15206
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan keberkesanan operasi penguatkuasaan bersepadu yang dilaksanakan dalam membanteras kegiatan kecurian elektrik melibatkan aktiviti perlombongan mata wang kripto serta usaha Kerajaan dalam mewujudkan saluran operasi yang sah bagi aktiviti perlombongan ini.
29. PN-1543-L14884
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kes kemalangan berpunca daripada keadaan jalan raya yang tidak diselenggara seperti jalan berlubang dan lampu jalan yang tidak berfungsi di negeri Sabah pada tahun 2023 sehingga tahun 2025.
30. PN-1543-L15033
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memperkukuh industri makanan tempatan yang masih bergantung kepada import seperti ikan sardin dan daging, termasuk pelan jangka panjang bagi membangunkan industri pemprosesan makanan berasaskan hasil tempatan, memperluas rantai nilai agromakanan dan mengukuhkan keterjaminan makanan negara.
31. PN-1543-L15099
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah permohonan pembinaan projek Tamu Desa di Sarawak yang telah diluluskan, dan sejauh manakah projek Tamu Desa ini telah memberikan limpahan kemakmuran ekonomi kepada penduduk setempat.

32. PN-1543-L14710

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak dan khususnya Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian pada tahun 2026.

33. PN-1543-L15427

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah keluasan sebenar baki terkini Tanah Rizab Melayu (TRM) mengikut negeri di Semenanjung Malaysia berbanding dengan keluasan yang diperuntukkan semasa pengisytiharan kemerdekaan.

34. PN-1543-L15032

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mewajibkan pembayaran yuran penyelenggaraan (*maintenance fee*) bagi semua skim perumahan jenis flat dan pangsapuri kos rendah di seluruh negara, bagi memastikan tahap keselamatan, kebersihan dan penyelenggaraan bangunan sentiasa terjamin.

35. PN-1543-L14856

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu para usahawan muda di negeri Kelantan dalam meningkatkan kemahiran perniagaan mereka.

36. PN-1543-L15365

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan potensi sumber tenaga boleh diperbaharui melalui kuasa angin dapat dilaksanakan sebagai alternatif selain tenaga solar.

37. PN-1543-L15086

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang diterima Sarawak bagi pengukuhan sektor pelancongan Sarawak bagi tahun 2026, dan apakah inisiatif terbaharu Kementerian dalam memperkasakan sektor pelancongan domestik di Sarawak.

38. PN-1543-L15422

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) dasar dan insentif Kerajaan bagi menyokong industri pelancongan kapal persiaran, termasuk pelaburan pelabuhan, promosi antarabangsa, serta pengecualian cukai atau diskaun fi pelabuhan; dan
- (b) apakah hasil daripada promosi Kerajaan pada peringkat antarabangsa seperti *Seatrade Cruise Global* dan berapa jumlah kapal persiaran yang kini memilih Malaysia sebagai "*homeport*".

39. PN-1543-L15484

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah pegawai serta kakitangan kesihatan kontrak yang masih belum diberikan status tetap mengikut nama perjawatan.

40. PN-1543-L15305

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran sehingga November 2025 dan sejauh mana prestasi kutipan semula pinjaman terdahulu bagi pelajar-pelajar lulusan TVET dari institusi kemahiran TVET negara.

41. PN-1543-L14735

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir di Sarawak, serta langkah Kerajaan memastikan projek berkenaan siap mengikut jadual bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan berisiko tinggi.

42. PN-1543-L14808

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pekebun kecil getah yang menerima bantuan subsidi baja di Sabah dalam tahun 2026.

43. PN-1543-L14878

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif Kerajaan dalam memajukan sektor pelancongan di negeri Kedah khususnya di Daerah Yan sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi dan warisan tempatan.

44. PN-1543-L15253

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan strategik jangka panjang Kementerian untuk menjamin peluang pekerjaan rakyat Malaysia, khususnya dalam mengatasi risiko kehilangan pekerjaan akibat penggunaan automasi dan teknologi AI pada masa hadapan, agar nasib golongan pekerja sentiasa terbela merentasi zaman.

45. PN-1543-L15208

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan dan langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan pendaki di kawasan gunung di seluruh negara, khususnya dalam aspek tanggungjawab malim gunung, sistem komunikasi kecemasan (laporan kecemasan) dan pemantauan permit pendakian.

46. PN-1543-L15417

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesan pelarasan asas tarif elektrik baharu terhadap pengguna industri, serta bagaimana Kementerian memastikan kestabilan kos dan daya saing bagi sektor pembuatan.

47. PN-1543-L15281

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status dan perkembangan semasa projek pembinaan jambatan Sungai Kupang serta perancangan Kerajaan bagi memastikan ia dapat disiapkan sepenuhnya demi manfaat penduduk setempat.

48. PN-1543-L14786

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memperluas peluang pelaburan ke kawasan luar bandar atau negeri yang kurang pembangunan bagi memastikan pembangunan lebih inklusif.

49. PN-1543-L15153

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah penilaian Kerajaan terhadap pemberian wang saku kepada pelajar Orang Asli dan adakah kerajaan mempertimbangkan bantuan berbentuk token pembelian makanan, buku dan alat tulis yang lebih berfokus kepada keperluan pendidikan.

50. PN-1543-L14720
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak dan khususnya Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian pada tahun 2026.
51. PN-1543-L15024
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah yang diperuntukkan daripada subsidi pesawah sebanyak RM2.62 billion untuk peralihan pertanian kepada penggunaan teknologi seperti *precision farming* atau pertanian persis, pengairan air yang efisien dan pengurusan kesihatan tanah.
52. PN-1543-L15058
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan masih berhasrat untuk membina projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur - Singapura atau telah menukar fokus kepada Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) ke Johor Bahru.
53. PN-1543-L14909
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam pembangunan Zon Ekonomi Khas seperti Cyberjaya dan Subang Aerotech Park.
54. PN-1543-L15517
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperluas penggunaan teleperubatan di kawasan pedalaman.
55. PN-1543-L14696
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan dasar-dasar utama negara seperti penyertaan Bumiputera dalam industri dan dasar pembangunan industri tempatan tidak terjejas oleh komitmen tarif dan perdagangan yang telah dipersetujui melalui Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

56. PN-1543-L14790

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa ramai penjaja kecil yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program MyKiosk melalui Majlis Daerah Sarikei serta Majlis Daerah Meradong dan Julau, serta lokasi-lokasi kiosk yang terlibat.

57. PN-1543-L15360

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan dan naik taraf hospital baharu atau klinik kesihatan di daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin dan Jelebu.

58. PN-1543-L15276

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah dan strategi Kerajaan dalam memperkukuh industri pelancongan negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan memberi tumpuan kepada pembangunan ekopelancongan di kawasan luar bandar khususnya Daerah Baling.

59. PN-1543-L15066

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status projek hospital baharu dan menaik taraf fasiliti kesihatan yang diumumkan bagi tahun 2026 serta pelan menambah bilangan doktor pakar dan jururawat di hospital Kerajaan.

60. PN-1543-L14932

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan langkah yang sedang dan akan diambil dalam menangani isu penipuan pakej umrah dan haji oleh agensi pelancongan tidak berlesen dan yang tidak bertanggungjawab terus berleluasa walaupun tindakan undang-undang diambil terhadap mereka.

61. PN-1543-L14882

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah bilik wad yang tidak dapat menampung jumlah pesakit di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah yang menyebabkan katil pesakit ditempatkan di koridor wad hospital tersebut.

62. PN-1543-L15400

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) bilakah Pelan Induk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura akan diumumkan; dan
- (b) apakah ciri-ciri utama pelan induk tersebut.

63. PN-1543-L15396

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah penguatkuasaan yang diambil bagi menangani penjualan minuman beralkohol secara tidak terkawal di perkampungan Orang Asli yang menyumbang kepada gejala sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

64. PN-1543-L15134

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan komprehensif Kerajaan dalam menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat yang kian membimbangkan kebelakangan ini.

65. PN-1543-L15223

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memperkukuhkan sistem amaran awal gempa bumi dan mempertingkatkan kesedaran rakyat terhadap prosedur keselamatan termasuk perancangan latihan berkala dikawasan berisiko seperti Sabah dan Pantai Barat Semenanjung.

66. PN-1543-L15184

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah status pegawai farmasi kontrak yang berada dalam senarai simpanan dan adakah mereka akan diserap terus ke dalam lantikan tetap atau perlu memohon setiap kali jawatan diiklankan; dan
- (b) adakah semua pegawai farmasi kontrak tertakluk kepada senarai simpanan tersebut dan apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam pemilihan ke skim lantikan tetap.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.30/2025) Rang Undang-undang Perbekalan 2026 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.**
[11 Disember 2025]
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Yang Kedua
2. (D.R.38/2025) Rang Undang-undang Kewangan 2025
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025
[Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
4. (D.R.35/2025) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua
5. (D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua
6. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025
[Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua

7. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
8. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
9. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
10. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
11. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 12. (D.R.42/2025) | Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 13. (D.R.43/2025) | Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 128	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2023	15 Disember 2025
ST. 173	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sukuk Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab) 2025 P.U. (A) 267/2025 diwartakan pada 25 Ogos 2025	15 Disember 2025
ST. 174	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) 2025 P.U.(A) 350/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 175	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Pengecualian) 2025 P.U.(A) 351/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 176	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pendapatan Orang Bukan Pemastautin) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Pengecualian) 2025 P.U.(A) 357/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 177	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) 2025 P.U.(A) 359/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 178	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Kos bagi Penempatan Semula Perniagaan) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) 2025 P.U.(A) 360/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 179	AKTA SETEM 1949 Perintah Duti Setem (Syarikat Dana Keluarga Tunggal) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Pengecualian) 2025 P.U.(A) 352/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 180	AKTA SETEM 1949 Perintah Duti Setem (Surat Cara Perjanjian Pinjaman atau Pembiayaan berhubung dengan Individu) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Peremitan) 2025 P.U.(A) 353/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 181	AKTA SETEM 1949 Perintah Duti Setem (Surat Cara Pindah Milik berhubung dengan Individu) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Peremitan) 2025 P.U.(A) 354/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 182	AKTA SETEM 1949 Perintah Duti Setem (Surat Cara Perjanjian Pinjaman atau Pembiayaan berhubung dengan Orang yang Layak) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Peremitan) 2025 P.U.(A) 355/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 183	AKTA SETEM 1949 Perintah Duti Setem (Surat Cara Pindah Milik berhubung dengan Orang yang Layak) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Peremitan) 2025 P.U.(A) 356/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 184	AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) (Pengecualian) 2025 P.U.(A) 358/2025 diwartakan pada 3 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 185	AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 325/2025 diwartakan pada 9 September 2025	15 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 186	AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 326/2025 diwartakan pada 9 September 2025	15 Disember 2025
ST. 187	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2024 P.U. (A) 452/2024 diwartakan pada 24 Disember 2024	15 Disember 2025
ST. 188	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2025 P.U. (A) 1/2025 diwartakan pada 6 Januari 2025	15 Disember 2025
ST. 189	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No. 2) 2025 P.U. (A) 10/2025 diwartakan pada 10 Januari 2025	15 Disember 2025
ST. 190	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2021 (Pindaan) 2025 P.U. (A) 52/2025 diwartakan pada 4 Februari 2025	15 Disember 2025
ST. 191	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.3) 2020 (Pindaan) 2025 P.U. (A) 57/2025 diwartakan pada 12 Februari 2025	15 Disember 2025
ST. 192	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Dipercepat) 2025 P.U. (A) 69/2025 diwartakan pada 21 Februari 2025	15 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 193	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2025 P.U. (A) 147/2025 diwartakan pada 6 Mei 2025	15 Disember 2025
ST. 194	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2025 P.U. (A) 152/2025 diwartakan pada 9 Mei 2025	15 Disember 2025
ST. 195	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Dipercepat) (Pembatalan) 2025 P.U. (A) 181/2025 diwartakan pada 13 Jun 2025	15 Disember 2025
ST. 196	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2025 P.U. (A) 192/2025 diwartakan pada 20 Jun 2025	15 Disember 2025
ST. 197	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No.3) 2025 P.U. (A) 206/2025 diwartakan pada 4 Julai 2025	15 Disember 2025
ST. 198	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam 2025 P.U.(A) 384/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 199	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Labuan) 2025 P.U.(A) 385/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> 2025	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> DIBENTANGKAN
ST. 200	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Tioman) 2025 P.U.(A) 386/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 201	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pangkor) 2025 P.U.(A) 387/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 202	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Langkawi) 2025 P.U.(A) 388/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 203	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais 2025 P.U.(A) 389/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 204	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Labuan) 2025 P.U.(A) 390/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 205	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Tioman) 2025 P.U.(A) 391/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 206	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pangkor) 2025 P.U.(A) 392/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST.207	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Langkawi) 2025 P.U.(A) 393/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 208	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pembayaran Penyediaan Pracampuran) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 394/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 209	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Jualan) (Pindaan) (No.2) 2025 P.U.(A) 399/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025
ST. 210	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan daripada Cukai Jualan) (Pindaan) (No. 2) 2025 P.U.(A) 400/2025 diwartakan pada 31 Oktober 2025	15 Disember 2025